

PRESS CLIPPING

DATE : MAY 12, 2021
MEDIA : UTUSAN MALAYSIA
SECTION : EKONOMI
PAGE : 36
COLOUR : FULL COLOUR
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

Untung bersih LTAT lebih tinggi

PETALING JAYA: Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mencatatkan untung bersih lebih tinggi mencecah RM229 juta pada 2020, berbanding RM92.8 juta tahun sebelumnya.

Berikutan prestasi yang baik itu, LTAT telah mengisytiharkan

dividen lebih tinggi berjumlah 3.5 peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, berbanding 2.5 peratus tahun sebelumnya.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, walaupun terkesan dengan pandemik Covid-19, LTAT masih mampu mengisytiharkan peningkatan dividen berikutan untung bersih yang lebih tinggi itu.

“Saya dimaklumkan bahawa faktor utama yang menyumbang kepada keputusan LTAT yang lebih baik ini adalah kerana kejayaan pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi melalui Pelan Transformasi LTAT.

“Ini membolehkan LTAT untuk mencatatkan peningkatan keuntungan tertahan berjumlah RM287.5 juta selepas bayaran dividen berjumlah RM310.7 juta, berbanding dengan keuntungan tertahan berjumlah RM63.5 juta pada 2019,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sehingga 31 Disember 2020, aset-aset di bawah pengurusan LTAT berjumlah RM9.6 bilion.

Ismail Sabri berkata, kerajaan sedar bahawa kebajikan barisan hadapan, terutamanya anggota angkatan tentera yang sedang berkhidmat, harus terus menjadi keutamaan.

“Oleh itu, kami berbesar hati untuk menyokong LTAT bagi memastikan peningkatan dividen bagi tahun tersebut.

“Kementerian Pertahanan, bagi pihak semua anggota angkatan tentera yang menerima manfaat daripada pembayaran dividen amat menghargai sokongan yang diberikan oleh kerajaan.

“LTAT akan terus memperkayakan prospeknya melalui Pelan

Transformasi yang sedang digiatkan, bertumpu kepada pengukuhan dan pengimbangan semula portfolio pelaburannya serta pada masa yang sama menambahbaik struktur organisasi, pengurusan risiko, amalan tadbir urus korporat serta pembangunan sumber manusia,” katanya.

Menurut Ismail Sabri, LTAT kini berada dalam tahun ketiga perjalanan transformasinya, di mana 41 dan 53 inisiatif berjaya dilaksanakan masing-masing pada 2019 dan 2020.

Jelasnya, tambahan sebanyak 77 inisiatif lagi akan dilaksanakan tahun ini, dengan matlamat untuk memperkukuh operasi dan prestasi kewangan LTAT serta anak-anak syarikatnya.

“Saya juga sedia maklum bahawa Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik LTAT telah diluluskan oleh Lembaga pada November 2020, dengan matlamat untuk memberi pulangan jangka panjang yang optimum dengan tahap risiko yang bersesuaian.

“Pada 2021, LTAT telah memulakan proses penstrukturan semula portfolio pelaburannya secara berperingkat dengan fokus kepada instrumen pendapatan tetap serta mempertingkatkan pelaburan ekuiti awamnya,” katanya.

